

19 OCT 1996

Kumaran-Luar Bandar

KERTAS CADANGAN TINGKATKAN PROGRAM LUAR BANDAR KE KABINET

IPOH, 19 Okt (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengemukakan cadangan kepada Kabinet tidak lama lagi mengenai cara meningkatkan program pembangunan luar bandar untuk semua kaum terutama India yang tinggal di estet.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk K. Kumaran berkata kandungan kertaskeraja yang disediakan enam bulan lepas, termasuk menggariskan keadaan semasa penduduk kawasan luar bandar dan mereka yang tinggal di estet-estet.

"Cadangan itu akan membolehkan pegawai kementerian membantu masyarakat India yang tinggal di estet yang dikira sebagai harta persendirian. Ini termasuk mengambil alih tadika estet," katanya kepada pemberita selepas menutup Seminar Falsafah Pembangunan Luar Bandar untuk 180 pemimpin India di sini.

Kini beberapa estet menjalankan tadika secara sendiri dan menggaji guru sendiri.

Cadangan itu juga akan melibatkan pindaan kepada beberapa undang-undang apabila diluluskan kabinet kelak, katanya.

Kumaran berkata kertas cadangan itu disediakan berikutan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membantu rakyat miskin dan 36,000 golongan termiskin di negara ini.

Kumaran juga berkata golongan termiskin boleh dibasmikan tetapi tidak kemiskinan kerana taraf kehidupan negara dinamik dan sentiasa meningkat.

Kini golongan termiskin ialah mereka yang memperolehi pendapatan RM212.50 atau kurang sebulan sementara yang miskin ialah mereka yang berpendapatan RM425 atau kurang sebulan, katanya.

Kumaran berkata kementerian juga akan mengadakan bancian terhadap kemiskinan di bandar awal tahun depan bagi membolehkan strategi dan mekanisme dirangka untuk membantu mereka.

"Banci akan bermula di Lembah Klang dan kemudian ke bandar penting yang lain seperti Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Baharu," kata beliau.

Menurut beliau lagi, bancian itu amat bermakna kerana setinggian merangkumi semua bangsa di Malaysia dan juga pekerja asing.

Kumaran berkata Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan empat tahun bagi mengambil alih 7,000 pra-sekolah yang kini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) mulai tahun depan.

"Menjelang penghujung tahun 2000 atau awal tahun 2001, Kemas tidak akan mengambil murid pra-sekolah berumur enam tahun dan hanya akan menumpukan perhatian kepada yang berumur empat serta lima tahun.

"Masalah tadika di estet ketika itu akan secara automatik dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata kementerian juga akan mencadangkan bahawa program industri luar bandar diperluaskan kepada kaum lain selain Bumiputera.

-- BERNAMA

ASM NHD RON